

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

Bil.	Jawatan	Kelayakan
2.	Eksekutif (Gred 11 – Jawatan Tetap) (Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia - Pulau Pinang)	<p>Deskripsi Tugas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membangun, melaksanakan, menyelenggara dan meningkatkan sistem pengurusan kualiti mengikut piawaian yang ditetapkan; 2. Mengawal dokumen sistem kualiti dan rekod serta mengekalkan pengkalan data dokumen makmal berdasarkan piawaian yang ditetapkan; 3. Mengadakan audit dalaman dan menyediakan laporan audit; 4. Menyediakan, menyemak dan mengemaskini <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> mengikut piawaian yang ditetapkan; 5. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa. <p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Warganegara Malaysia; 2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Kualiti, atau yang berkaitan dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; 3. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam bidang pengurusan kualiti contohnya ISO, GLP dan GMP.

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687
Emel : recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **7 Disember 2018**